Index pointsChanges in index points,
2023-2024-0.8
Index pointsPercentage change,
2023-2024

-0.7%

Index:
2024: 94.3
2023: 96.4

The Family Index is measured based on five indicators which are divorce rate, domestic violence cases, children involved in crime, household debt per capita and dependency ratio.

The Family Index recorded a decrease of 5.7 index points from 2000 to 2024. Family Index decreased by 2.1 index points in 2024 to 94.3 points as compared to 96.4 points in 2023. This decline was due to increases in the indicators of household debt per capita, divorce rate and domestic violence cases.

Chart 14: Family Index, 2000-2024




Exhibit 16: Family Index Performance, 2000-2024

Changes in index points,
2000-2024



-5.7
Index points

Changes in index points,
2023-2024



-2.1
Index points

Percentage change,
2023-2024



-2.2%

Index:
2024: 74.6
 2023: 73.5

The Air Index is measured based on two indicators which are air quality and greenhouse gas emissions.

The Air Index recorded a decrease of 25.4 index points from 2000 to 2024. However, Air Index increased by 1.1 index points to 74.6 points as compared to 73.5 points in 2023. This increase was contributed by the improvement in air quality.

Chart 15: Air Index, 2000-2024




Exhibit 17: Air Index Performance, 2000-2024

Changes in index points,
2000-2024



-25.4
Index points

Changes in index points,
2023-2024



1.1
Index points

Percentage change,
2023-2024



1.5%

Index:
2024: 142.8
2023: 143.5

The Water Index is measured based on two indicators which are water quality and percentage of population with treated piped water.

The Water Index recorded an increase of 42.8 index points from 2000 to 2024. However, Water Index decreased by 0.7 index points in 2024 to 142.8 points as compared to 143.5 points in 2023. This decline was contributed by the deterioration in water quality in 2024.

Chart 16: Water Index, 2000-2024




Exhibit 18: Water Index Performance, 2000-2024

Changes in index points,
2000-2024



42.8
Index points

Changes in index points,
2023-2024



-0.7
Index points

Percentage change,
2023-2024



-0.5%

Index:
2024: 100.2
2023: 100.0

The Biodiversity Resources Index is measured based on two indicators which are percentage of forested land and forest area licensed for harvesting.

The Biodiversity Resources Index recorded an increase of 0.2 index points from 2000 to 2024. Biodiversity Resources Index increased by 0.2 index points in 2024 to 100.2 points as compared to 100.0 points in 2023.

Chart 17: Biodiversity Resources Index, 2000-2024




Exhibit 19: Biodiversity Resources Index Performance, 2000-2024

Changes in index points,
2000-2024



0.2
Index points

Changes in index points,
2023-2024




0.2
Index points

Percentage change,
2023-2024



0.2%



Jadual Statistik

Statistical Tables

Jadual 1.1: Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia mengikut komponen, Malaysia, 2000–2024


Table 1.1: Malaysian Well-being Index by component, Malaysia, 2000–2024

Komponen <i>Components</i>	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011
Ekonomi <i>Economic</i>	100.0	98.7	99.3	101.1	100.5	101.7	104.0	106.0	106.5	107.5	109.2	110.9
Pengangkutan <i>Transportation</i>	100.0	101.4	102.0	103.4	104.8	106.7	107.8	110.0	110.8	112.1	113.6	115.8
Komunikasi <i>Communication</i>	100.0	100.4	100.7	101.0	101.4	101.9	102.1	102.7	104.3	104.8	105.7	106.8
Pendapatan dan Pengagihan <i>Income and Distribution</i>	100.0	101.4	102.2	102.0	101.8	104.8	107.1	109.3	109.4	109.5	112.7	115.2
Persekitaran Kerja <i>Working Life</i>	100.0	91.4	92.3	98.0	94.0	93.4	99.1	102.3	101.5	103.8	104.7	105.7
Sosial <i>Social</i>	100.0	100.6	102.1	102.8	103.5	105.2	106.0	107.1	108.2	109.2	110.4	112.1
Pendidikan <i>Education</i>	100.0	100.9	101.3	105.3	110.0	111.2	112.6	114.0	116.0	118.8	120.5	122.4
Perumahan <i>Housing</i>	100.0	101.9	106.0	103.6	102.1	103.2	104.0	104.8	106.9	101.4	103.6	105.7
Hiburan dan Rekreasi <i>Entertainment and Recreation</i>	100.0	101.2	100.5	102.0	106.8	108.6	110.4	112.7	117.3	114.5	113.2	116.3
Keselamatan Awam <i>Public Safety</i>	100.0	100.2	103.8	102.4	102.4	106.0	102.3	102.3	101.3	103.6	106.8	110.7
Penyertaan Sosial <i>Social Participation</i>	100.0	100.5	100.7	101.3	102.3	102.5	103.4	104.1	105.0	108.2	109.6	113.8
Tadbir Urus <i>Governance</i>	100.0	98.8	108.7	105.3	101.8	104.5	106.5	108.6	108.7	110.9	113.2	111.8
Kebudayaan <i>Culture</i>	100.0	102.1	100.2	99.9	102.9	104.5	106.6	109.7	110.0	112.7	113.1	111.7
Kesihatan <i>Health</i>	100.0	102.3	99.5	106.0	104.8	109.7	111.8	111.6	110.7	114.1	114.0	116.8
Keluarga <i>Family</i>	100.0	98.1	98.4	99.7	98.1	96.4	96.9	96.5	98.1	98.6	99.4	99.8
Alam Sekitar <i>Environmental</i>	100.0	105.4	103.8	103.3	102.6	106.6	100.9	97.6	95.7	99.1	98.3	99.3
Udara <i>Air</i>	100.0	97.8	91.1	93.1	90.3	89.1	89.3	92.6	93.2	91.9	83.8	80.8
Air <i>Water</i>	100.0	117.9	121.8	121.6	122.3	141.5	132.7	117.7	115.4	122.6	125.3	131.6
Sumber Biodiversiti <i>Biodiversity Resources</i>	100.0	100.5	98.4	95.3	95.2	89.0	80.5	82.6	78.5	82.9	85.8	85.5
Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia <i>Malaysian Well-Being Index</i>	100.0	101.0	101.7	102.5	102.6	104.6	104.6	105.1	105.5	106.9	107.8	109.4

Jadual 1.1: Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia mengikut komponen, Malaysia, 2000–2024 (samb.)

Table 1.1: Malaysian Well-being Index by component, Malaysia, 2000–2024 (cont'd)

Komponen <i>Components</i>	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Ekonomi <i>Economic</i>	112.6	114.8	118.6	119.8	118.3	120.1	122.2	123.3	120.4	121.4	125.0	126.6	128.8
Pengangkutan <i>Transportation</i>	118.2	120.5	121.4	122.5	123.4	124.1	128.1	129.8	123.8	122.6	130.7	133.3	136.7
Komunikasi <i>Communication</i>	108.9	108.3	118.7	120.5	120.4	123.2	123.4	123.7	125.4	127.8	128.4	128.6	128.7
Pendapatan dan Pengagihan <i>Income and Distribution</i>	117.3	120.8	124.7	126.6	119.8	122.6	124.9	127.4	117.3	119.3	128.6	128.8	134.7
Persekitaran Kerja <i>Working Life</i>	105.9	109.6	109.7	109.7	109.6	110.7	112.2	112.2	115.0	115.7	112.3	115.6	115.2
Sosial <i>Social</i>	113.2	113.3	115.0	114.7	114.4	116.7	117.4	118.0	115.2	116.1	118.6	120.7	121.8
Pendidikan <i>Education</i>	123.5	124.1	125.6	124.6	129.8	132.5	135.4	137.3	141.7	139.5	146.3	148.3	147.8
Perumahan <i>Housing</i>	107.8	109.4	111.0	112.4	114.7	112.1	114.8	115.0	112.0	116.0	122.1	122.9	124.6
Hiburan dan Rekreasi <i>Entertainment and Recreation</i>	118.0	120.7	123.6	124.7	125.2	126.7	129.0	127.5	106.8	102.8	123.1	123.7	125.4
Keselamatan Awam <i>Public Safety</i>	109.0	109.8	114.6	116.2	117.1	123.8	121.6	122.5	130.6	133.7	128.6	127.3	127.4
Penyertaan Sosial <i>Social Participation</i>	113.3	113.6	115.5	117.6	120.5	122.1	125.1	128.2	129.1	127.8	127.6	129.0	134.1
Tadbir Urus <i>Governance</i>	116.2	118.6	120.4	115.0	104.2	113.3	113.7	115.3	111.0	119.8	113.5	119.3	124.0
Kebudayaan <i>Culture</i>	111.0	107.1	111.6	108.0	106.1	107.0	106.6	105.8	91.9	89.1	95.4	100.9	101.3
Kesihatan <i>Health</i>	122.1	119.9	116.8	117.6	117.7	118.7	117.0	116.9	120.4	122.0	116.8	118.5	117.7
Keluarga <i>Family</i>	98.1	96.4	96.2	96.3	94.4	93.8	93.9	93.7	93.6	94.2	93.8	96.4	94.3
Alam Sekitar <i>Environmental</i>	100.7	101.9	101.5	103.7	101.1	100.7	103.1	103.4	105.1	106.0	106.5	105.7	105.9
Udara <i>Air</i>	80.6	79.7	78.9	73.7	79.0	79.1	75.6	72.2	77.7	76.4	77.1	73.5	74.6
Air <i>Water</i>	132.2	133.5	129.9	135.3	127.0	127.1	134.4	136.0	136.6	142.3	143.6	143.5	142.8
Sumber Biodiversiti <i>Biodiversity Resources</i>	89.3	92.5	95.7	102.1	97.5	95.8	99.2	101.9	101.0	99.3	98.8	100.0	100.2
Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia <i>Malaysian Well-Being Index</i>	110.7	111.5	113.4	113.9	112.9	114.5	115.9	116.6	114.6	115.5	117.9	119.4	120.6



Nota Teknikal *Technical Notes*

PENGENALAN

Bahagian ini bertujuan untuk menjelaskan aspek teknikal dalam pembangunan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) peringkat Malaysia. Perkara yang diliputi termasuk sumber data yang digunakan, metodologi dalam pengiraan IKRM serta definisi komponen dan indikator.

SUMBER DATA

Data bagi semua indikator yang digunakan dalam IKRM adalah data sekunder yang diperoleh daripada kementerian dan agensi Kerajaan serta sektor swasta. Tahun rujukan bagi peringkat Malaysia adalah dari 2000 hingga 2024.

TAHUN ASAS

Pengiraan IKRM di peringkat Malaysia menggunakan tahun asas 2000 di mana nilai indeks adalah bersamaan dengan 100.

METODOLOGI

IKRM merupakan satu indeks komposit berdasarkan purata 16 indeks komponen, manakala pengiraan indeks komponen adalah berdasarkan purata indeks indikator bagi setiap komponen. Hubungan indeks komposit dengan indeks komponen dan indeks indikator ditunjukkan dalam Rajah A.1. Semua indikator diberikan tanda positif (+) atau tanda negatif (-). Pertambahan nilai bagi indikator dengan tanda positif (contohnya, jangka hayat ketika lahir, PNK benar per kapita) menunjukkan keadaan yang semakin baik manakala bagi indikator dengan tanda negatif (contohnya kadar kematian bayi, kadar kemiskinan) menunjukkan keadaan merosot. Bagi tujuan pengiraan indeks, trend aliran bagi indikator bertanda negatif diubahsuai supaya peningkatan nilai menggambarkan penambahbaikan kesejahteraan dan penurunan nilai menjelaskan kemerosotan. Pengubahsuaian ini perlu bagi membolehkan pemahaman yang seragam mengenai trend aliran indeks termasuk indeks komposit.

Data perlu diseragam bagi membolehkan perbandingan antara indeks dibuat. Penyeragaman ini adalah bertujuan menyingkirkan unit pengukuran indikator yang berbeza-beza dan menghasilkan nilai bacaan yang seragam bagi semua indikator. Ini membolehkan pengiraan indeks komponen dan komposit. Kaedah sisihan piawai digunakan untuk menyeragamkan semua indikator. Kaedah ini membolehkan penentuan nilai frekuensi agihan berdasarkan purata yang lebih tepat. Menurut Teorem Chebyshev, tanpa mengira bentuk taburan, sekurang-kurangnya 75 peratus daripada nilai frekuensi akan berada dalam julat ± 2 sisihan piawai daripada nilai purata taburan, dan sekurang-kurangnya 89 peratus daripada nilai akan berada dalam julat ± 3 sisihan Viawai daripada nilai purata taburan.

NOTA TEKNIKAL

Proses pembangunan IKRM melibatkan empat langkah. Langkah pertama, mendapatkan skor piawai bagi setiap indikator; langkah kedua, mendapatkan skor indeks indikator; langkah ketiga, memperoleh skor indeks komponen dan langkah keempat, mengagregat indeks komponen bagi menghasilkan indeks komposit.

LANGKAH 1: Mendapatkan Skor Piawai bagi setiap indikator dalam tahun

i) Sisihan Piawai

Sisihan piawai adalah statistik yang menggambarkan taburan nilai indikator di sekitar purata dalam satu set data. Apabila taburan nilai terkumpul secara berdekatan, sisihan piawai adalah kecil. Apabila taburan nilai berselerak, sisihan piawai adalah besar. Formula untuk sisihan piawai (σ) bagi indikator j diberikan sebagai:

$$\sigma_j = \sqrt{\frac{1}{N} \sum_{t=1}^N (x_{jt} - \mu_j)^2}$$

dimana:

σ_j = sisihan piawai nilai indicator j

N = bilangan pemerhatian

x_{jt} = nilai indikator j pada masa t

μ_j = nilai purata indikator j

ii) Skor Piawai bagi indikator

Skor piawai menunjukkan pemerhatian dalam bentuk unit sisihan piawai melebihi atau kurang daripada purata. Ia merujuk perubahan yang dibuat ke atas pemerhatian dengan menolak nilai purata dan membahagikannya dengan sisihan piawai. Pengiraan ini adalah seperti di bawah:

$$Z = \frac{x_{jt} - \mu_j}{\sigma}$$

dimana:

x_{jt} = nilai indikator j pada masa t

μ = nilai purata indikator

σ = sisihan piawai bagi data siri masa

Z = skor piawai

LANGKAH 2: Mendapatkan Indeks bagi setiap indikator

Indeks bagi setiap indikator pada setiap tahun diperoleh dengan mendarab skor piawai dengan 10 dan menambah 100, seperti ditunjukkan di bawah. Walau bagaimanapun, kaedah ini hanya boleh digunakan bagi indikator bertanda positif seperti pendapatan per kapita atau kadar penyertaan pelajar yang mana pertambahan nilai menunjukkan keadaan yang lebih baik.

Indeks indikator positif

$$I_{tj} = 100 + (z \cdot 10)$$

dimana t merujuk kepada masa dan j ialah indikator

Trend untuk indikator negatif telah diubahsuai untuk mendapatkan bacaan indeks yang konsisten dengan menolak sebelah kiri dengan 100. Contoh indikator ini adalah kadar kemiskinan dan kadar kematian bayi di mana pertambahan nilai menunjukkan kemerosotan.

Indeks indikator negatif

$$I_{tj} = 100 - (z \cdot 10)$$

Indeks dalam nilai asas 2000

Setelah langkah ini selesai, untuk mendapatkan nilai indeks yang boleh dibandingkan dengan tahun mula atau nilai asas, skor dibahagikan dengan nilai asas. Nilai pada tahun 2000 adalah 100.

$$I_{2005j} = (I_{tj}^{+/-} / I_{2000j}) * 100$$

LANGKAH 3: Mendapatkan Indeks bagi setiap komponen dalam tahun

Indeks bagi setiap komponen diperoleh dengan mendapatkan purata nilai indeks indikator dengan nilai asas 2000 seperti berikut:

$$I_c = \frac{1}{N} \sum_{j=1} I_{tj}$$

dimana:

I_c = Indeks kompenan

N = Jumlah indikator

I_{tj} = Indeks indikator j dengan nilai asas 2000 pada masa t

NOTA TEKNIKAL

LANGKAH 4: Mendapatkan Indeks komposit dalam tahun

Langkah terakhir, Indeks Komposit diperoleh dengan mendapatkan purata indeks komponen:


$$IKRM = \frac{1}{N} \sum_{c=1} I_c$$

dimana:

I_c = Indeks komposit

N = Jumlah indikator

Rajah A.1: Hubungan Indeks Komposit dengan Indeks Komponen dan Indeks Indikator



KOMPONEN DAN INDIKATOR

Senarai komponen dan rasional pemilihannya ditunjukkan pada A.1. Komponen yang dipilih dapat menggambarkan pelbagai aspek kesejahteraan.

A.1: KOMPONEN KESEJAHTERAAN

BIL.	KOMPONEN	KETERANGAN
1.	PENGANGKUTAN	Pengangkutan adalah penting untuk kemajuan dan pembangunan kerana ia berkaitan dengan mobiliti dan akses kepada sumber serta peluang pekerjaan, pendidikan serta barang dan perkhidmatan. Kemudahan pengangkutan yang lebih baik akan meningkatkan keupayaan dan kemampuan individu dalam memenuhi keperluan kehidupan.
2.	KOMUNIKASI	Komunikasi adalah penting kerana dapat memberikan manfaat ekonomi dan sosial kepada individu. Dalam konteks ekonomi, komunikasi merupakan alat untuk meningkatkan perhubungan dalam kalangan masyarakat dan akses kepada sumber yang seterusnya meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Kemajuan dalam bidang komunikasi telah membolehkan perhubungan merentasi sempadan pada masa sebenar dan seterusnya merapatkan hubungan perniagaan dan sosial.
3.	PENDAPATAN DAN PENGAGIHAN	Pendapatan negara mencerminkan keupayaan negara secara keseluruhannya dalam menjana kekayaan. Ia juga melambangkan peluang negara meningkatkan kesejahteraan melalui kekayaan di peringkat makro. Pengagihan pendapatan mengukur tahap kesaksamaan dan pengagihan sumber ekonomi. Pengukuran pengagihan pendapatan menggunakan pendapatan boleh guna isi rumah akan memberi gambaran yang lebih tepat mengenai jurang pendapatan dalam kalangan penduduk. Kadar kemiskinan memberi tumpuan pendapatan dalam kalangan penduduk berpendapatan rendah.
4.	PERSEKITARAN KERJA	Keadaan persekitaran kerja merupakan elemen penting dalam menentukan kesejahteraan individu kerana ia menyumbang kepada keselamatan dan ketenangan fikiran. Pekerjaan merupakan sumber pendapatan yang dapat meningkatkan keupayaan menambah baik taraf hidup. Selain daripada mempunyai pekerjaan yang dapat menjamin kehidupan, persekitaran kerja yang selesa, kurang tekanan dan risiko akan menghasilkan pekerja yang sihat minda dan meningkatkan produktiviti.

NOTA TEKNIKAL

BIL.	KOMPONEN	KETERANGAN
5.	PERUMAHAN	Perumahan adalah satu keperluan asas kehidupan yang baik, keselamatan dan perlindungan kepada keluarga/ individu. Kehidupan yang selesa biasanya dikaitkan dengan taraf hidup yang lebih baik kerana ia memberi ketenangan fikiran dan kepuasan hidup.
6.	HIBURAN DAN REKREASI	Hiburan dan rekreasi boleh memberi pengalaman dan emosi positif kepada individu kerana ia boleh mencetuskan kegembiraan dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan. Hiburan dan rekreasi juga memperkaya pengalaman hidup dan penting bagi mengekalkan kesejahteraan kerohanian.
7.	PENDIDIKAN	Pendidikan merupakan instrumen utama bagi menyampaikan ilmu dan budaya dari generasi ke generasi yang menjadi asas pembangunan dan kemajuan teknologi untuk mengekal dan meningkatkan kualiti hidup. Pendidikan adalah penting bagi individu bukan sahaja kerana dapat mewujudkan peluang ekonomi, tetapi juga meningkatkan kemajuan diri dan masyarakat. Untuk tujuan ini, pembangunan sistem pendidikan harus merangkumi aspek kesaksamaan dan kualiti.
8.	TADBIR URUS	Tadbir urus yang baik merupakan sebahagian daripada faktor institusi yang mempengaruhi pencapaian fungsi individu dalam kehidupan. Institusi yang baik dapat memberi kesan positif kepada individu memanfaatkan peluang dan kekayaan bagi mencapai matlamat hidup, manakala institusi yang tidak adil merupakan kos kepada masyarakat.
9.	KESELAMATAN AWAM	Keamanan dan keselamatan adalah pra syarat bagi kesejahteraan rakyat. Oleh itu, adalah penting bagi negara untuk sentiasa meningkatkan keselamatan awam bagi memastikan keamanan dan kestabilan sosial. Kebebasan untuk bergerak tanpa berasa takut adalah elemen sokongan untuk individu memenuhi keperluan kehidupan.
10.	PENYERTAAN SOSIAL	Keterangkuman yang boleh dicapai melalui penyertaan sosial adalah penting untuk kesejahteraan rakyat. Penyertaan sosial menggambarkan komitmen dan kesediaan individu untuk terlibat dalam aktiviti sosial, politik, agama dan kemasyarakatan. Penglibatan dalam masyarakat merupakan satu daripada matlamat hidup yang dapat memberi kepuasan dan kebebasan dalam kehidupan.

BIL.	KOMPONEN	KETERANGAN
11.	KEBUDAYAAN	Budaya mempunyai nilai tersendiri yang merupakan wadah simbol dan identiti negara dan menyumbang dengan ketara kepada pembangunan dan kesejahteraan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Budaya diserlahkan melalui tingkah laku dan pemikiran, serta mempengaruhi cara percakapan, amalan sosial dan agama sesebuah masyarakat. <i>Universal Declaration on Cultural Diversity</i> (2001) mentakrifkan budaya sebagai "... satu set ciri-ciri kerohanian, material, intelektual dan emosi yang tersendiri bagi sesebuah masyarakat atau kumpulan sosial dan ia merangkumi seni dan kesusasteraan, gaya hidup, cara hidup bermasyarakat, sistem nilai, tradisi dan kepercayaan". Kebebasan untuk mengamalkan budaya sendiri menggalakkan semangat kepunyaan.
12.	KESIHATAN	Kesihatan merupakan sebahagian daripada kesejahteraan kerana sumbangannya kepada keupayaan individu. Individu yang mempunyai mental dan fizikal yang sihat akan dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Kesihatan juga mempunyai kaitan langsung dengan pertumbuhan ekonomi kerana ia dapat meningkatkan kualiti modal insan dan produktiviti.
13.	KELUARGA	Unit keluarga merupakan institusi utama dalam struktur sosial dan berperanan memenuhi keperluan sosial, ekonomi dan psikologi individu. Pendapatan menyediakan platform yang membolehkan individu menampung perbelanjaan diri dan keluarga mereka. Walau bagaimanapun, kekuatan dan fungsi unit keluarga juga dipengaruhi oleh faktor bukan kewangan.
14.	UDARA	Merujuk kepada keadaan dan kualiti udara persekitaran yang mempengaruhi kesejahteraan rakyat. Penilaian meliputi tahap pencemaran, kepekatan bahan pencemar, dan tahap kualiti udara keseluruhan yang mencerminkan kelestarian serta kebolehdiaman sesuatu kawasan. Kualiti udara yang baik menyumbang kepada kesihatan awam, keselesaan hidup dan kesejahteraan komuniti secara menyeluruh.
15.	AIR	Merujuk kepada keadaan dan kualiti sumber air yang mempengaruhi kesejahteraan rakyat. Penilaian meliputi tahap kebersihan, keselamatan dan ketersediaan air, termasuk sumber air mentah, air paip terawat serta badan air semula jadi. Kualiti air yang baik menyumbang kepada kesihatan awam, keselamatan penggunaan harian dan kelestarian ekosistem.

NOTA TEKNIKAL

BIL.	KOMPONEN	KETERANGAN
16.	SUMBER BIODIVERSITI	Merujuk kepada sumber semula jadi yang hidup, termasuk tumbuhan, haiwan dan organisma lain yang menyumbang kepada keseimbangan ekosistem serta menyokong keperluan manusia. Penilaian meliputi aspek pengeluaran pertanian, perikanan, ternakan dan sumber biologi lain yang mencerminkan tahap ketersediaan, kelestarian dan pengurusan sumber biodiversiti di sesuatu kawasan.

Senarai dan definisi indikator ditunjukkan pada A.2. Kebanyakan indikator disandarkan kepada bilangan penduduk dan indikator ini mengalami peningkatan dalam tempoh rujukan. Perubahan dalam indikator ini dapat memberi gambaran yang lebih tepat sepanjang tempoh tersebut. Tanda (+ / -) di sebelah indikator menunjukkan hubungan dengan IKRM.

A.2: INDIKATOR INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA

1. PENGANGKUTAN

i. Pemilikan kereta dan motosikal persendirian (+)

Merujuk kepada bilangan kereta dan motosikal persendirian berdaftar bagi setiap 1,000 penduduk.

ii. Panjang jalan per kapita (+)

Merujuk kepada jumlah panjang jalan berturap dan tidak berturap (km) dibahagi dengan jumlah penduduk.

iii. Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI) (+)

Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI) merupakan petunjuk kualiti pembangunan jalan raya yang mengambil kira panjang rangkaian jalan raya, keluasan tanah dan jumlah penduduk. Secara umumnya, jika nilai $RDI > 1$, ini menunjukkan tahap rangkaian jalan raya yang baik serta mampu menampung jumlah kenderaan di samping menjana aktiviti sosio-ekonomi. Nilai RDI yang lebih tinggi menggambarkan pembangunan jalan raya yang mampan.

iv. Bilangan penumpang keretapi (+)

Merujuk kepada bilangan penumpang perkhidmatan keretapi termasuk LRT (Ampang dan Putra Lines), KL Monorel, KLIA Express Transit, KTM Komuter dan keretapi antara bandar.

2. KOMUNIKASI

i. Peratusan individu menggunakan telefon bimbit (+)

Merujuk kepada peratus individu yang menggunakan telefon bimbit.

ii. Peratus individu menggunakan internet (+)

Merujuk kepada peratus individu yang menggunakan internet termasuk satelit, talian tanpa wayar, VDSL, fiber, WiMax, Unifi, Iburst, EV-DO dan Danawa.

iii. Bilangan nama domain (+)

Merujuk kepada bilangan akaun laman web berdaftar (nama domain) di bawah *My Domain Registry* bagi setiap 1,000 penduduk.

3. PENDAPATAN DAN PENGAGIHAN

i. Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita (RM) (+)

Pendapatan Negara Kasar (PNK) ialah jumlah wang yang diperoleh oleh rakyat dan perniagaan. Jumlah ini termasuk Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara dan pendapatan utama. Pendapatan utama merangkumi dua jenis transaksi iaitu pampasan pekerja dan pendapatan pelaburan residen dan bukan residen. PNK per kapita benar (RM) dibahagikan dengan jumlah penduduk.

ii. Purata pendapatan isi rumah bulanan (+)

Merujuk kepada pendapatan kasar isi rumah bulanan purata.

iii. Pekali Gini (-)

Pekali Gini adalah satu daripada kaedah standard untuk mengukur ketidaksamaan dalam agihan pendapatan dalam kalangan penduduk.

iv. Insiden kemiskinan (-)

Merujuk kepada peratusan isi rumah miskin berbanding jumlah isi rumah. Kemiskinan di Malaysia diukur berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Isi rumah dianggap miskin jika pendapatan bulanan isi rumah berada di bawah paras PGK.

4. PERSEKITARAN KERJA

i. Kadar pekerjaan (+)

Merujuk kepada peratusan penduduk bekerja dalam kalangan jumlah tenaga buruh dalam sesuatu tempoh rujukan.

ii. Peratusan tenaga buruh dengan waktu kerja tetap pada hari bekerja (+)

Merujuk kepada peratusan individu bekerja yang mempunyai jadual atau waktu kerja tetap pada hari bekerja, sama ada dalam sektor awam atau swasta.

iii. Kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan (-)

Merujuk kepada jumlah kehilangan hari bekerja dalam tempoh tertentu (biasanya setahun) disebabkan oleh kemalangan, sekatan masuk kerja atau mogok.

NOTA TEKNIKAL

iv. Purata jam bekerja (-)

Merujuk kepada purata jam bekerja seminggu dalam kalangan pekerja. Data merujuk kepada jumlah jam bekerja dibahagikan dengan jumlah pekerja. Waktu kerja standard negara di dunia adalah antara 40 hingga 44 jam seminggu.

v. Kadar kemalangan perusahaan dan perjalanan (-)

Kadar kemalangan perusahaan merujuk kepada kemalangan di tempat kerja termasuk kes penyakit khidmat. Kadar kemalangan perjalanan merujuk kepada kemalangan perjalanan termasuk pergi dan balik dari/ke tempat kerja, waktu rehat yang dibenarkan serta lain-lain kemalangan yang berkaitan pekerjaan.

vi. Kadar pengangguran jangka panjang (-)

Kadar Pengangguran Jangka Panjang merujuk kepada peratusan individu menganggur yang telah mencari pekerjaan secara aktif selama 12 bulan atau lebih dalam kalangan jumlah tenaga buruh.

vii. Peratusan tenaga buruh berumur 25 tahun ke atas yang bekerja lebih daripada 50 jam seminggu (-)

Merujuk kepada peratusan individu bekerja berumur 25 tahun dan ke atas yang melaporkan bekerja lebih daripada 50 jam seminggu dalam tempoh rujukan.

viii. Peratus tenaga buruh yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu, bukan kerana pilihan (-)

Merujuk kepada peratusan individu bekerja yang melaporkan bekerja kurang daripada 30 jam seminggu dalam tempoh rujukan dan menyatakan bahawa mereka ingin serta bersedia untuk bekerja lebih lama, tetapi tidak mempunyai peluang pekerjaan tambahan atau tidak ditawarkan waktu kerja yang lebih panjang.

5. PERUMAHAN

i. Peratus unit rumah kos rendah kepada bilangan isi rumah B40 (+)

Merujuk kepada peratusan unit rumah kos rendah kepada isi rumah B40.

ii. Peratus isi rumah dengan bekalan air terawat (+)

Merujuk kepada peratusan isi rumah yang dibekalkan dengan kemudahan air terawat.

iii. Peratus isi rumah dengan bekalan elektrik (+)

Merujuk kepada peratusan isi rumah yang dibekalkan dengan kemudahan elektrik.

iv. Peratus isi rumah dengan liputan perkhidmatan kutipan sampah (+)

Merujuk kepada peratusan isi rumah yang mendapat perkhidmatan kutipan sampah.

v. Bilangan penghuni sebilik (-)

Merujuk kepada bilangan bilik di kediaman dibahagikan dengan bilangan orang yang tinggal di dalam kediaman tersebut.

vi. Kemampuan miliki kediaman (-)

Merujuk kepada tahap kemampuan individu untuk memiliki kediaman sendiri, di mana nilai negatif menunjukkan kesukaran atau keterbatasan dalam memiliki rumah. Indikator ini dikira berdasarkan data median pendapatan kasar tahunan dan median harga kediaman bagi semua jenis rumah.

6. HIBURAN DAN REKREASI

i. Bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar (+)

Merujuk kepada bilangan isi rumah yang melanggan TV berbayar (ASTRO dan IPTV).

ii. Bilangan penginap hotel domestik (+)

Merujuk kepada bilangan penginap hotel domestik bagi setiap 1,000 penduduk.

iii. Bilangan pengunjung taman rekreasi (+)

Merujuk kepada jumlah pengunjung ke taman rekreasi. Data menunjukkan bilangan pengunjung bagi setiap 1,000 penduduk.

iv. Bilangan pengunjung pawagam (+)

Merujuk kepada bilangan pengunjung pawagam di Malaysia bagi setiap 1,000 penduduk. Data adalah berdasarkan penjualan tiket kecuali Negeri Kelantan dan Perlis.

7. PENDIDIKAN

i. Kadar penyertaan peringkat pra-sekolah (+)

Merujuk kepada peratusan kanak-kanak berumur 3+ hingga 5+ tahun yang berdaftar di peringkat pra-sekolah.

ii. Akses kepada pendidikan awal kanak-kanak (+)

Merujuk kepada peratusan kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun yang berdaftar atau mengikuti pendidikan awal kanak-kanak di institusi prasekolah kerajaan atau swasta dalam tempoh tahun rujukan.

iii. Kadar penyertaan peringkat sekolah rendah (+)

Merujuk kepada peratusan kanak-kanak berumur 6+ hingga 11+ tahun yang berdaftar di peringkat sekolah rendah.

iv. Kadar penyertaan peringkat sekolah menengah (+)

Merujuk kepada peratusan penduduk berumur 12+ hingga 16+ tahun yang berdaftar di peringkat sekolah menengah.

v. Kadar penyertaan peringkat tertiar (+)

Merujuk kepada peratusan penduduk dalam kohort-umur antara 17+ hingga 23+ tahun yang mengikuti pengajian di peringkat tertiar.

NOTA TEKNIKAL

vi. Kadar literasi (+)

Merujuk kepada peratusan penduduk yang mempunyai keupayaan untuk membaca dan menulis dengan kemampuan untuk memahami kenyataan pendek yang mudah dalam kehidupan seharian.

vii. Peratus pelajar tamat sekolah rendah (+)

Kadar tamat pendidikan sekolah rendah merupakan peratusan kohort murid yang menamatkan persekolahan pada gred terakhir pendidikan di peringkat rendah (tahun enam) dengan mengambil kira murid yang mendaftar pada gred pertama (tahun satu) mengikut kohort persekolahan yang ditetapkan.

viii. Peratus pelajar tamat sekolah menengah (+)

Kadar tamat pendidikan sekolah menengah merupakan peratusan kohort murid yang menamatkan persekolahan pada gred terakhir pendidikan di peringkat menengah (tingkatan lima) dengan mengambil kira murid yang mendaftar pada gred pertama (tingkatan satu) mengikut kohort persekolahan yang ditetapkan.

ix. Peratus calon lulus (SPM) (+)

Merujuk kepada peratusan calon yang lulus semua subjek dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Data menunjukkan bahawa peratus yang semakin tinggi merujuk pencapaian yang lebih baik.

x. Peratus guru siswazah di sekolah rendah (+)

Merujuk kepada peratusan guru siswazah kepada jumlah guru di sekolah rendah.

xi. Peratus guru siswazah di sekolah menengah (+)

Merujuk kepada peratusan guru siswazah kepada jumlah guru di sekolah menengah.

xii. Bilangan pensyarah dengan kelayakan PhD (+)

Merujuk kepada bilangan pensyarah dengan kelayakan Doktor Falsafah (PhD) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

xiii. Nisbah murid kepada guru di sekolah kerajaan bagi peringkat rendah (-)

Merujuk kepada bilangan murid sekolah rendah bagi setiap seorang guru di sekolah kerajaan dalam tempoh tahun rujukan.

xiv. Nisbah murid kepada guru di sekolah kerajaan bagi peringkat menengah (-)

Merujuk kepada bilangan murid sekolah menengah bagi setiap seorang guru di sekolah kerajaan dalam tempoh tahun rujukan.

xv. Peratus penduduk berumur 25 hingga 64 tahun yang mempunyai sekurang-kurangnya pendidikan menengah atas (+)

Merujuk kepada peratusan penduduk berumur antara 25 hingga 64 tahun yang telah menamatkan sekurang-kurangnya peringkat pendidikan menengah atau mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi seperti pendidikan pasca menengah, diploma atau ijazah.

xvi. Peratus penduduk berumur 25 hingga 64 tahun yang mempunyai ijazah universiti (+)

Merujuk kepada peratusan penduduk berumur antara 25 hingga 64 tahun yang telah menamatkan pengajian peringkat ijazah universiti atau mempunyai kelayakan akademik setaraf, termasuk ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD).

xvii. Jangkaan tahun persekolahan (+)

Merujuk kepada purata bilangan tahun persekolahan yang dijangka diperoleh oleh individu dalam tempoh rujukan, yang mencerminkan tahap akses dan peluang pendidikan. Indikator ini diperoleh daripada Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia.

xviii. Purata tahun persekolahan (+)

Merujuk kepada purata bilangan tahun persekolahan sebenar yang telah diperoleh oleh individu dalam tempoh rujukan. Nilai positif menunjukkan tempoh pendidikan yang lebih panjang. Indikator ini diperoleh daripada Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia.

8. TADBIR URUS

i. Peratus kes rasuah yang didakwa (+)

Merujuk kepada peratusan kes rasuah yang didakwa daripada jumlah tangkapan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

ii. Bilangan transaksi e-pembayaran (+)

Merujuk kepada bilangan transaksi e-pembayaran yang dibuat secara atas talian melalui sistem perbankan termasuk kad kredit, kad caj, kad debit, wang elektronik, kad pembayaran tujuan khusus, Sistem GIRO antara bank, debit terus, ATM (tidak termasuk pengeluaran wang), perbankan Internet, perbankan mudah alih dan urus niaga pihak ketiga melalui Real Time Electronics Transfer of Funds and Securities (RENTAS).

iii. Peratus pengguna e-Filing (+)

Merujuk kepada memfail dan mengisi Borang Cukai Pendapatan (BNCP) secara elektronik berdasarkan beberapa jenis borang seperti Borang B/ BT (e-B/ e-BT), Borang BE (e-BE) dan Borang P (e-P), Borang M/ MT (e-M/ e-MT), Borang e (e-E), Borang C (e-C), Borang R (e-R) dan e-Anggaran (e-CP204). Pada masa ini, pembayar cukai mempunyai pilihan untuk memfailkan borang secara elektronik atau manual.

iv. Peratusan kerusi yang disandang oleh wanita dalam parlimen Dewan Negara (+)

Merujuk kepada peratusan kerusi dalam Parlimen Dewan Negara yang disandang oleh wakil wanita dalam tempoh rujukan.

v. Peratusan kerusi yang disandang oleh wanita dalam parlimen Dewan Rakyat (+)

Merujuk kepada peratusan kerusi dalam Parlimen Dewan Rakyat yang disandang oleh wakil wanita dalam tempoh rujukan.

NOTA TEKNIKAL

vi. Peratus kes yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam (+)

Merujuk kepada peratusan kes aduan awam yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam. Aduan awam bermaksud “aduan orang ramai mengenai ketidakpuasan mereka terhadap semua aspek pentadbiran Kerajaan termasuk agensi-agensi yang diswastakan dan institusi-institusi yang berbentuk monopoli dan membekalkan keperluan-keperluan awam yang dirasai tidak adil, tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang sedia ada termasuk salah laku, penyelewengan, salahguna kuasa, salah tadbir dan seumpamanya. Pengaduan awam meliputi semua aspek pentadbiran kerajaan termasuk agensi Kerajaan yang diswastakan.

9. KESELAMATAN AWAM

i. Kadar jenayah (-)

Merujuk kepada peratus jenayah harta benda dan jenayah kekerasan yang dilaporkan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi setiap 1,000 penduduk.

ii. Kemalangan jalan raya (-)

Merujuk kepada bilangan kemalangan jalan raya yang dilaporkan kepada PDRM bagi setiap 1,000 kenderaan berdaftar.

iii. Kadar pembunuhan (-)

Merujuk kepada peratus kes bunuh yang dilaporkan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi setiap 100,000 penduduk.

10. PENYERTAAN SOSIAL

i. Bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar (+)

Merujuk kepada bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966.

ii. Bilangan persatuan penduduk berdaftar (+)

Merujuk kepada bilangan persatuan penduduk berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan.

iii. Keahlian RELA (+)

Merujuk kepada bilangan keahlian Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). RELA telah ditubuhkan pada 11 Januari 1972 untuk membolehkan orang ramai menjadi sukarelawan dalam memelihara dan mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

11. KEBUDAYAAN

i. Bilangan keahlian perpustakaan awam (+)

Merujuk kepada bilangan ahli yang berdaftar di perpustakaan bagi setiap 1,000 penduduk.

ii. Bilangan pengunjung Istana Budaya (+)

Merujuk kepada bilangan pengunjung yang hadir untuk menyaksikan pertunjukan atau persembahan yang diadakan di Istana Budaya bagi setiap 1,000 penduduk.

iii. Bilangan pengunjung muzium (+)

Merujuk kepada bilangan pelawat ke muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia bagi setiap 1,000 penduduk.

iv. Bilangan pengunjung Kompleks Kraf (+)

Merujuk kepada bilangan pengunjung ke Kompleks Kraf di bawah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bagi setiap 1,000 penduduk.

v. Bilangan pengunjung Memorial Negarawan (+)

Merujuk kepada bilangan pengunjung ke Memorial Negarawan di bawah Arkib Negara Malaysia bagi setiap 1,000 penduduk.

12. KESIHATAN

i. Jangkaan hayat ketika lahir (+)

Merujuk kepada jangkaan purata bilangan tahun seseorang bayi yang baru lahir akan hidup dengan mengandaikan corak kadar kematian umur tertentu yang tetap.

ii. Bilangan kes penyakit tidak berjangkit (-)

Merujuk kepada penyakit yang tidak berjangkit atau penyakit kronik. Empat jenis penyakit tidak berjangkit utama adalah penyakit kardiovaskular, kanser, penyakit pernafasan kronik dan diabetes bagi setiap 1,000 penduduk. Data ini merujuk kepada bilangan pesakit yang discaj dari hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

iii. Bilangan katil di hospital (+)

Merujuk kepada bilangan katil pesakit di hospital awam dan swasta termasuk katil bagi penyakit akut dan kronik bagi setiap 1,000 penduduk.

iv. Nisbah doktor kepada penduduk (-)

Merujuk kepada seorang doktor untuk anggaran bilangan penduduk yang menerima perkhidmatan. Doktor merujuk kepada seorang pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia termasuk doktor pelatih.

v. Peratus pesakit yang menunggu masa kurang dari 90 minit (+)

Merujuk kepada bilangan pesakit yang menunggu masa kurang dari 90 minit untuk berjumpa doktor di klinik pakar.

vi. Kadar tahap kesihatan mental (-)

Merujuk kepada bilangan pesakit yang didiagnosis masalah kecelaruan mental, emosi dan tingkah laku bagi setiap 1,000 penduduk.

NOTA TEKNIKAL

vii. Bilangan kes penyakit berjangkit (-)

Merujuk kepada bilangan kes yang berjangkit bagi setiap 100,000 penduduk. Terdapat 38 penyakit dan dikategorikan kepada Penyakit Bawaan Air dan Makanan; Penyakit Bawaan Vektor; Penyakit Cegahan Vaksin; Viral Hepatitis; TIBI dan Kusta; Jangkitan Transmisi Secara Seksual; Zoonosis; Viral Encephalitis dan Survelan. Data ini merujuk kepada bilangan pesakit yang discaj dari hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

viii. Liputan pelalian DPT (Difteria, Pertusis dan Tetanus) bagi bayi (dos pertama dan dos penamat) (+)

Merujuk kepada liputan pelalian DPT (Difteria, Pertusis dan Tetanus) bagi bayi (dos pertama dan dos penamat) bagi setiap 1,000 bayi.

ix. Liputan pelalian MMR (Mump, Measles dan Rubella) untuk kanak-kanak berumur 1 hingga bawah 2 tahun (+)

Merujuk kepada liputan pelalian MMR (Mump, Measles dan Rubella) untuk kanak-kanak berumur 1 hingga bawah 2 tahun bagi setiap 1,000 kanak-kanak yang berumur 1 hingga bawah 2 tahun.

13. KELUARGA

i. Kadar perceraian (-)

Merujuk kepada peratusan kes perceraian dalam kalangan penduduk berumur 18 tahun dan ke atas bagi setiap 1,000 penduduk.

ii. Kes keganasan rumahtangga (-)

Merujuk kepada bilangan kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan kepada PDRM.

iii. Kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah (-)

Merujuk kepada pesalah di sisi undang-undang berumur di bawah 18 tahun yang ditangkap, dihukum dan ditempatkan di institusi pemulihan akhlak dan termasuk juga yang diletakkan di bawah penjagaan ibu bapa.

iv. Hutang isi rumah per kapita (RM) (-)

Merujuk kepada jumlah hutang individu, termasuk pembiayaan perumahan, kereta, peribadi dan pembiayaan lain daripada institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan, sektor insurans, institusi kewangan bukan perbankan yang terpilih dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan.

v. Nisbah tanggungan (-)

Merujuk kepada bilangan penduduk di bawah umur 15 tahun dan bilangan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas berbanding dengan bilangan penduduk dalam umur bekerja 15 hingga 64 tahun.

14. UDARA

i. Kualiti udara (+)

Merujuk kepada peratusan bacaan stesen pengawasan kualiti udara Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang mencatat indeks pencemaran udara (IPU) kurang daripada 50.

ii. Pelepasan gas rumah kaca (-)

Merujuk kepada jumlah pelepasan gas rumah kaca yang dihasilkan oleh aktiviti manusia dalam tempoh rujukan, termasuk karbon dioksida, metana dan gas lain. Nilai negatif menunjukkan pengurangan pelepasan.

15. AIR

i. Kualiti air (+)

Merujuk kepada peratusan sungai yang dipantau dan mencatat air bersih.

ii. Penduduk dengan air paip yang dirawat (+)

Merujuk kepada peratusan penduduk yang mempunyai akses kepada air paip yang dirawat dan selamat untuk digunakan di kawasan kediaman mereka.

16. SUMBER BIODIVERSITI

i. Peratus kawasan berhutan (+)

Merujuk kepada peratusan kawasan berhutan berbanding dengan keluasan tanah di Malaysia.

ii. Keluasan hutan yang dilesenkan untuk pengusahaan (-)

Merujuk kepada keluasan hutan yang telah diberikan lesen untuk tujuan pengusahaan dalam tempoh rujukan. Nilai negatif menunjukkan pengurangan atau keterhadapan keluasan hutan yang dilesenkan.

PEMBUNDARAN ANGGARAN

Hasil tambah bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama dengan jumlah yang ditunjukkan dalam jadual dan carta yang berkaitan kerana pembundaran secara bebas kepada satu titik perpuluhan. Walau bagaimanapun, perbezaan adalah tidak ketara.

INTRODUCTION

This part provides explanation on the technical aspects in developing the Malaysian Well-being Index (MyWI) at the Malaysian level. The topics covered include data sources, methodology in calculating MyWI and definition of components and indicators.

DATA SOURCE

Data for all the indicators used in MyWI are based on secondary data that are sourced from various ministries and agencies as well as the private sector. The reference year for the Malaysian level is from 2000 to 2024.

BASE YEAR

The IKRM calculation at the national level uses the base year 2000 where the index value is equal to 100.

METHODOLOGY

